

Kriteria Rakan Niaga Atlas Copco

Pengenalan

Atlas Copco merupakan peneraju dunia dalam membekalkan penyelesaian produktiviti yang mampan. Kumpulan Syarikat ini menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan melalui kompresor, penyelesaian vakum, penjana, pam, alat-alat kuasa, dan sistem pemasangan yang inovatif. Atlas Copco membangunkan produk dan perkhidmatan yang memberikan tumpuan terhadap produktiviti, kecekapan tenaga, keselamatan dan ergonomi. Ditubuhkan pada tahun 1873 dan berpusat di Stockholm, Sweden, Syarikat ini mempunyai jangkauan global merentasi lebih daripada 180 buah negara.

Visi Kumpulan Syarikat adalah untuk menjadi First in Mind – First in Choice bagi pelanggan, pembekal, rakan niaga, dan pihak berkepentingan yang lain. Berdasarkan nilai-nilai teras bersama, Kumpulan Atlas Copco berhasrat untuk mencapai matlamat ini melalui amalan perniagaan yang beretika serta bekerjasama dengan rakan niaga yang berkongsi piawaian yang sama.

Tataamalan Perniagaan Atlas Copco¹ menyatakan bahawa:

- “Kami berusaha untuk menjadi rakan sekutu terbaik untuk rakan niaga, seperti pembekal, subkontraktor, rakan usaha sama, ejen dan pengedar, serta menjadi pilihan utama mereka.
- Kami mencari, menilai, dan memilih rakan niaga secara saksama berdasarkan faktor yang objektif termasuk produktiviti, kualiti, penghantaran, harga, kebolehpercayaan serta komitmen terhadap prestasi dan pembangunan alam sekitar dan sosial.
- Kami mewujudkan kesedaran untuk mereka tentang komitmen kami dan mengkehendaki mereka supaya mematuhi dasar kami.”

Dokumen ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan dasar Atlas Copco berkenaan etika perniagaan, sosial, keselamatan, kesihatan dan prestasi alam sekitar dengan memberikan penjelasan ringkas tentang jangkauan asas Kumpulan Syarikat terhadap rakan kongsi perniagaannya.

Senarai kriteria berikut adalah berdasarkan Tataamalan Perniagaan Atlas Copco yang menurut garis panduan antarabangsa berikut yang disokong oleh Kumpulan Syarikat:

- Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- Deklarasi ILO mengenai Prinsip dan Hak Dasar di Tempat Kerja (ILO)
- Global Compact (GC) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional

Keperluan Am

Para rakan kongsi perniagaan seperti pembekal, subkontraktor, rakan usaha sama, ejen, dan pengedar mesti dimaklumkan tentang komitmen dan kehendak Kumpulan Syarikat mengikut Tataamalan Perniagaan. Jika rakan niaga menggunakan subkontraktor untuk pengeluaran produk atau perkhidmatan Kumpulan Atlas Copco, rakan niaga tersebut bertanggungjawab untuk menggunakan prinsip yang sama bagi menilai dan memilih subkontraktor mereka. Jika diminta, rakan niaga mesti memaklumkan Atlas Copco tentang subkontraktor yang digunakan oleh mereka.

Para rakan niaga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kesemua aktiviti yang berkaitan dengan operasi dan pengambilan tenaga manusia di mana-mana negara mereka beroperasi. Jikalau mana-mana kriteria dalam dokumen ini bercanggahan dengan undang-undang negara atau wilayah tersebut, undang-undang negara berkenaan mesti dipatuhi. Dalam hal sedemikian, rakan niaga dikehendaki memaklumkan Atlas Copco dengan serta-merta tentang konflik tersebut sebelum menandatangani dokumen ini.

Keperluan Atlas Copco mungkin melebihi keperluan yang ditetapkan dalam undang-undang negara, dalam keadaan sedemikian rakan niaga mesti mematuhi keperluan tambahan Atlas Copco.

¹<http://www.atlascopcogroup.com/en/sustainability/our-sustainability-approach/our-business-code-of-practice>

Kriteria Rakan Niaga

1. Penghapusan Semua Bentuk Buruh Paksa (GC 4, ILO 29)

Para rakan niaga tidak dibenarkan menggunakan buruh paksa atau tidak sukarela dalam apa-apa jua bentuk. Ini termasuk kerja-kerja atau perkhidmatan-perkhidmatan yang dilakukan oleh seseorang di bawah ancaman penalti dan secara tidak sukarela. Para rakan niaga juga dilarang meminta pekerja untuk menyerahkan wang sebagai deposit atau dokumen asal seperti pasport, sijil pendidikan, dan sebagainya sepanjang tempoh penggajian mereka.

2. Penolakan Buruh Kanak-kanak (GC 5, ILO 138)

Atlas Copco tidak membenarkan buruh kanak-kanak. Para rakan niaga perlu mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mereka tidak menggaji sesiapa di bawah umur. Ini bermakna, melainkan undang-undang tempatan menyatakan had umur yang lebih tinggi, sesiapa yang lebih muda daripada umur untuk melengkapkan pendidikan wajib atau lebih muda daripada umur 15 tahun (atau umur 14 tahun yang dibenarkan oleh konvensyen ILO No. 138) tidak boleh digaji. Bagi kanak-kanak bawah umur yang diberi kuasa atau dibenarkan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menyediakan keadaan kerja, jam kerja, dan gaji yang berpatutan yang selaras dengan umurnya menurut undang-undang tempatan terpakai sebagai keperluan minimum. Umur minimum untuk kerja-kerja yang berbahaya ialah 18 tahun.

3. Integriti (GC 10, OECD 9)

Para rakan niaga mesti membanteras segala bentuk rasuah, termasuk pemerasan dan sogokan. Penggunaan dokumen palsu atau amalan haram atau penggunaan unit pengeluaran atau pembekal yang tidak diisytiharkan adalah tidak dibenarkan. Kami memerlukan kerjasama pihak pengurusan serta akses bebas ke premis rakan niaga, termasuk kemudahan perkilangan. Para rakan niaga mesti mengesahkan komitmen mereka kepada persaingan yang adil dan bersetuju supaya tidak mengadakan perbincangan atau perjanjian dengan pesaing-pesaing berkenaan dengan penetapan harga, perkongsian pasaran atau aktiviti lain yang serupa.

4. Sokongan dan Penghormatan kepada Hak Asasi Manusia (GC 1 dan GC 2)

Para rakan niaga dikehendaki menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia. Mereka harus mampu mengesahkan bahawa mereka tidak terlibat dalam pelanggaran hak asasi manusia dan mesti mematuhi garis panduan etika antarabangsa utama yang disokong oleh Kumpulan Atlas Copco.

Jika diminta oleh Atlas Copco, para rakan niaga yang membekal alat ganti, produk, atau bahan mentah yang mengandungi satu atau lebih 'mineral konflik'² dan berasal dari negara yang menghadapi konflik dan berisiko tinggi mesti bersedia untuk bekerjasama bagi menjalankan usaha wajar menurut Garis Panduan Usaha Wajar OECD.

5. Penghapusan Diskriminasi berkenaan Pengambilan Pekerja dan Pekerjaan (GC 6, ILO 111)

Para rakan niaga mesti menyokong peluang yang saksama, keadilan dan kepelbagaian, serta memastikan bahawa semua pekerja dinilai berdasarkan kebolehan dan kelayakan mereka dalam sebarang keputusan pengambilan pekerja tanpa mengira kumpulan etnik, agama, jantina, umur, kewarganegaraan, kecacatan, perhubungan peribadi, keahlian kesatuan sekerja dan/atau pendapat politik.

6. Persekitaran Tempat Kerja, Keadaan Kilang dan Perumahan yang Selamat dan Sihat (ILO 115)

Para rakan niaga dikehendaki mengutamakan keselamatan pekerja sepanjang masa. Keadaan premis kerja dan kilang mestilah membolehkan para pekerja melaksanakan tugas mereka dalam persekitaran yang selamat dan sihat, termasuk pencegahan kebakaran. Untuk meminimumkan risiko, dasar yang sewajarnya bagi melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja, latihan, dan perihalan peranan yang jelas mesti diwujudkan. Kemudahan yang disediakan untuk para pekerja mesti melindungi maruah individu dan memenuhi keperluan kebersihan diri. Para rakan niaga mesti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjamin keselamatan dan mengelakkan kemalangan dan penyakit tersebar akibat daripada keadaan tempat kerja bagi pihak pekerja mereka; termasuklah membekal dan menyediakan kit pertolongan cemas.

7. Kebebasan Berpersatuan dan Pengiktirafan Hak untuk Tawar-menawar Secara Kolektif (GC 3, ILO 87)

Para rakan niaga perlu memastikan bahawa pekerja mereka bebas berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan tempat kerja dan pampasan. Pekerja-pekerja berhak untuk memilih sama ada diwakili oleh kesatuan sekerja atau tidak bagi tujuan tawar-menawar secara kolektif. Atlas Copco tidak membenarkan diskriminasi terhadap mana-mana pekerja yang melaksanakan hak tersebut.

8. Inisiatif untuk Menggalakkan Tanggungjawab yang Lebih Besar Terhadap Alam Sekitar (GC 8, OECD 5)

Para rakan niaga seharusnya mempunyai satu Sistem Pengurusan Alam Sekitar, atau sekurang-kurangnya berkomited untuk membangunkan dasar atau sistem alam sekitar yang memastikan peningkatan prestasi yang berterusan alam sekitar mereka.

²Mineral konflik ialah kolumbit-tantalit (koltan), kasiterit, emas, wolframit atau terbitannya (timah, tungsten dan tantalum) menurut definisi Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa

- 9. Pendekatan Pencegahan Cabaran Alam Sekitar serta Pembangunan dan Penyebaran Teknologi Mesra Alam (GC 7 dan 9, OECD 5)**
Para rakan niaga mesti menjalankan perniagaan dengan cara yang melindungi dan memelihara alam sekitar, sebagai contoh, dengan memberikan perhatian kepada penggunaan air dan rawatan air kumbahan. Apabila membangunkan produk dan perkhidmatan, rakan niaga mesti menangani dan meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar yang mungkin terhasil dalam proses pembuatan, pengedaran, penggunaan, serta semasa pelupusan produk-produk tersebut. Rakan niaga mesti mengesahkan komitmen mereka kepada pembangunan dan pempromosian teknologi mesra alam dalam bentuk produk, proses dan reka bentuk.
- 10. Pematuhan terhadap Senarai Bahan Larangan dan Bahan Mesti Diisytiharkan Atlas Copco³**
Senarai Bahan Larangan Atlas Copco mengenal pasti bahan-bahan yang tidak boleh digunakan dalam alat ganti, produk, atau bahan mentah yang dihantar kepada Atlas Copco atau dalam proses pengeluaran. Senarai Bahan Mesti Diisytiharkan mengandungi bahan-bahan yang penggunaannya dihadkan dan kandungan sebarang bahan yang tersenarai yang didapati dalam item-item yang dihantar ke Atlas Copco mestilah diisytiharkan. Mineral konflik juga termasuk dalam senarai Bahan Larangan, sila rujuk kriteria 4 untuk penjelasan. Para rakan niaga mesti mengesahkan pematuhan terhadap dan mengikuti pengemaskinian senarai-senarai ini, serta memaklumkan Atlas Copco jikalau mana-mana bahan yang tersenarai bermasalah.

Pematuhan dan Tindakan Susulan

Atlas Copco mengkehendaki rakan niaganya supaya mematuhi kriteria-kriteria sosial, etika perniagaan, dan alam sekitar yang disenaraikan di sini. Rakan niaga yang proaktif dalam pelaksanaan kriteria-kriteria tersebut atau telah memenuhi kriteria-kriteria ini akan dipertimbangkan sebagai perkongsian pilihan. Kumpulan Syarikat akan memantau dan mengawasi pematuhan para rakan niaga terhadap kriteria-kriteria ini melalui tinjauan dan audit. Atlas Copco juga akan mengkaji semula hubungan perniagaan di antara kedua-dua pihak jika didapati berlakunya pelanggaran peraturan dan rakan niaga akan diminta untuk membuat penyesuaian atau perubahan bagi memenuhi kriteria dengan serta-merta. Jika rakan niaga sedang dalam proses memenuhi permintaan-permintaan yang dibentangkan serta bersetuju untuk menyediakan pelan tindakan dengan Atlas Copco, anda boleh menandatangani dokumen ini sebagai tanda komitmen.

Kumpulan Syarikat-syarikat Atlas Copco mengkehendaki para rakan niaganya supaya mengekalkan dokumentasi yang secukupnya demi menunjukkan pematuhan kriteria-kriteria yang disebut di atas atau menunjukkan niat dan kesanggupan untuk mematuhi kriteria-kriteria dengan menyediakan sebuah pelan tindakan dengan senarai aktiviti yang sesuai. Sebagai syarat untuk berniaga dengan Kumpulan Atlas Copco, para rakan niaga dan subkontraktornya mesti memberi kuasa kepada Atlas Copco serta ejen-ejen terlantik (termasuk pihak ketiga) untuk melaksanakan audit.

(Nama rakan niaga)

telah membaca dan memahami dokumen ini berdasarkan Tataamalan Perniagaan Atlas Copco dan berkomited untuk mematuhi semua kriteria dan keperluan dalam dokumen ini sepenuhnya.

Nama

Jawatan>Nama Jawatan

Tarikh dan tempat

Tandatangan

Rujukan Tambahan

- Kod Etika ILO dalam Keselamatan dan Kesihatan, <http://www.ilo.org/safework/lang--en/index.htm>
- Piawai Buruh Antarabangsa ILO, <http://www.ilo.org/global/standards/lang--en/index.htm>
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional, www.oecd.org
- Konvensyen Terhadap Rasuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, <http://www.unodc.org/unodc/en/treaties/CAC/index.html>
- Global Compact Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, www.unglobalcompact.org
- Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, www.un.org

³Senarai Bahan Larangan dan Senarai Bahan Mesti Diisytiharkan boleh didapati pada laman web Kumpulan Atlas Copco: <http://www.atlascopcogroup.com/en/sustainability/living-by-the-highest-ethical-standards/ethical-supply-chain>